

## Isu-isu wanita dalam Manuskrip Melayu Abad ke-15 hingga abad ke-18

*Issues on Women in Malay Manuscripts of 15th to 18th Century*

**Haryati Hasan**

*Dept. of History, Faculty of Human Sciences,  
Sultan Idris Education University, 39500 Perak, Malaysia*

### **Abstrak**

*Sejarah kerajaan Melayu seperti yang tercatat dalam historiografi tradisional terdapat bukti yang menunjukkan peranan wanita sebagai penyelamat atau penyebab berlakunya suasana politik yang tidak stabil. Di sebalik institusi Di Raja Malaysia, wanita turut berperanan penting, bukan sekadar di sebalik tabir, bahkan sejarah membuktikan ada kalangan wanita yang menjadi peneraju dan tunjang negara. Mereka bukan sahaja berdiri di sisi lelaki yang bergelar suami atau raja, tetapi mereka juga mampu berdiri sebagai raja atau sultan. Di Kelantan, Cik Siti Wan Kembang menjadi “ikon” wanita yang berperanan sebagai pemerintah. Puteri Sa’dong tidak kurang pentingnya dalam mempertahankan keutuhan dan kedaulatan Institusi Di Raja Kelantan. Dalam Kesultanan Melayu Melaka, muncul beberapa orang wanita yang berperanan penting, antaranya Tun Kudu, Tun Teja dan Tun Fatimah. Mereka berperanan mendamaikan persengketaan di antara dua pihak yang bertelagah dan menyatukan komponen politik serta turut mempengaruhi sultan dalam pelantikan pewaris takhta. Dalam Kerajaan Johor-Riau juga telah muncul beberapa orang wanita yang turut memberi impak besar kepada ketenteraman dan kestabilan politik dan pentadbiran. Bermula dengan pembunuhan ke atas Dang Anum, kemudian muncul pula Encik Pung dan sehinggalah berlakunya pertikaian antara Tengku Tengah dan Tengku Kamariah nyata telah mengundang sisi hitam dalam kemelut politik dan pentadbiran Kerajaan Johor-Riau. Pepatah Melayu ada menyatakan “Tangan Yang Menghayun Buaian Itu Mampu Menggoncang Dunia”. Sejauhmana pentingnya peranan wanita tersebut dalam mempengaruhi kestabilan, ketenteraman dan keamanan akan dibincangkan dalam kajian ini dengan menganalisis teks penjarahan Melayu seperti Sejarah Melayu, Tuhfat al-Nafis, Hikayat Siak dan Rengkasana Cetera Kelantan.*

**Kata kunci** *Wanita, manuskrip Melayu, Abad 15-18*

### **Abstract**

*The history of Malay sultanates as recorded in the traditional historiography showed evidence of the roles of women as saviours or the cause of political instability. On the other side of the sultanates of Malaysia, women did play a role, not only behind the*

*scene, but history has proven that they became leaders of states. They not only stood besides their husbands but were able to become kings or sultans. In Kelantan, Cik Siti Wan Kembang became a woman icon who played the role as a ruler. Puteri Sa'don was no less important in defending the stability and sovereignty of the institution of sultan in Kelantan. In the Malay Sultanate of Melaka, there appeared a number of women played important roles such as Tun Kudu, Tun Teja and Tun Fatimah. They played the role to reconcile two parties who were at loggerhead, and to unite political components as well as to influence the sultan in the appointment of heirs of the throne. In the Johor-Riau government also saw the appearance of a number of women who gave great impacts on the peace and stability of the politics and the administration. Starting with the killing of Dang Anum, then the appearance Encik Pung to the dispute between Tengku Tengah and Tengku Kamariah, these incidences clearly had caused black episodes in the political and administration crisis in the Johor-Riau government. A Malay proverb says that 'the hand that rocks the cradle can rock the world'. The extent of the role of women in influencing the stability, order and peace will be discussed in this study by analyzing manuscripts of Malay historiography such as Sejarah Melayu, Tuhfat al-Nafis, Hikayat Siak dan Rengkasen Cetera Kelantan.*

**Keywords** Women, Malay manuscripts, 15<sup>th</sup>-18<sup>th</sup> century

## PENDAHULUAN

Penglibatan kaum wanita Melayu daripada kerabat diraja dalam politik istana bukanlah satu yang aneh atau khas bagi orang Melayu. Dalam sejarah dunia juga ada raja-raja perempuan yang terkenal seperti Kleopatra (Mesir), Ratu Elizabeth I (England), Catherine Yang Termashur (Rusia) dan balu Maharaja Tzu Hsi (China) (Cheah, 1997). Di dunia Melayu, antara kurun ke-14 hingga kurun ke-17, telah wujud beberapa orang wanita Melayu yang telah dilantik sebagai Raja Perempuan. (ibid.104-105). Menurut *Hikayat Patani*, setelah diperintah oleh tujuh orang raja lelaki, maka mulai tahun 1584, Patani diperintah oleh raja-raja perempuan, Raja Ijau (1584-1616), Raja Biru (1616-1624), Raja Ungu (1624-1635) dan Raja Kuning (1645-1688?). (Muhammad Yusoff, 1988; Ibrahim, 1966; Bangnara, 1977). Perlantikan raja-raja perempuan ini tidak menimbulkan sebarang masalah tradisi perwarisan dan hukum Islam dalam pucuk pimpinan dan masyarakat di Patani. Mereka dilantik berturut-turut kerana tiada pewaris lelaki daripada zuriat sultan atau mereka sendiri tiada berputera. Di Aceh, sultanah-sultanahnya ialah Safiyatuddin Taj al-Alam (1641-1675), Naqiyatuddin Nur al-Alam (1675-1678), Zaqiyatuddin Inayat Syah (1678-1688) dan Kamalat Zinatuddin Syah (1688-1699). (Cheah, 1997; Abdullah Sani, 2005). *Bustanu's-Salatin* (Taman Raja-Raja), menyifatkan Sultanah Taj al-Alam sebagai pemerintah yang adil, dan Aceh semasa pemerintahannya aman dan makmur.

*Sejarah Melayu* telah menceritakan banyak riwayat tentang wanita-wanita daripada kalangan keluarga Diraja atau golongan bangsawan. Tun Kudu, Permaisuri Sultan Muzzafar Syah (1446-1459), Tun Teja anak Bendahara Pahang Seri Amar Bangsa Diraja dan Tun Fatimah anak Bendahara Tun Mutahir yang amat cantik. *Tuhfat al-Nafis* dan *Hikayat Siak*, pula menyebut peranan politik beberapa orang wanita istana kerajaan Johor-Riau antaranya Dang Anum isteri Megat Seri Rama, Encik Pung, Puteri Janilan

Minangkabau, Tengku Tengah dan Tengku Kamariah. *Rengkasannya Cetera Kelantan*, pula menceritakan tentang raja Perempuan yang bernama Cik Siti Wan Kembang dan Puteri Saadong. Perbincangan di sini menyingkap mengenai latarbelakang wanita berkenaan dan mengapakah mereka dikatakan berperanan penting dalam kerajaan Kelantan, Kesultanan Melayu Melaka dan Kerajaan Johor-Riau pada abad ke-15 hingga abad ke-18.

## Peranan Wanita dalam Kerajaan Melayu

Melalui pengkajian tentang peranan wanita Melayu dalam historiografi tradisional menunjukkan tentang betapa pentingnya peranan mereka dalam menentukan ketenteraman dan kestabilan politik pada abad ke-15 hingga abad ke-18. Tulisan ini mencerakinkan peranan wanita kepada beberapa subtema iaitu wanita sebagai pemimpin Negara, wanita penyelesaian krisis politik, wanita sebagai pendamai, wanita sebagai penentu pewaris takhta, wanita sebagai pengerat hubungan diplomatik dan wanita sebagai penerus legasi serta pencetus perubahan kepimpinan.

### a. Wanita sebagai pemimpin Negara

Wanita Melayu pernah diiktiraf sebagai pemimpin Negara. Kelantan, misalnya pernah diperintah oleh dua orang wanita. Semasa pemerintahan mereka, Kelantan berada dalam keadaan aman dan makmur. Di dalam *Hikayat Seri Kelantan* dan *Rengkasannya Cetera Kelantan*, ada menceritakan tentang sejarah negeri Kelantan yang diperintah oleh Ratu atau Raja Perempuan yang bernama **Cik Siti Wan Kembang**. Mengikut *Rengkasannya Cetera Kelantan*,

*Apabila Sultan Mansur Shah mangkat, puteranya Raja Gombak, ditabalkan menjadi Sultan Kelantan. Baginda Sultan Gombak mengambil cucunya yang bernama Raja Ahmad sebagai putera angkatnya. Apabila baginda mangkat, cucundanya ditabal menjadi Sultan Kelantan dalam tahun 1584 dan baginda berkahwin dengan Cik Banun puteri Seri Nara D'Raja yang menjadi sepupu kepada Raja Hussin di sebelah isteri Putera Lela Wangsa Pahang. Tiga tahun kemudian baginda telah dikurniakan seorang puteri yang dinamakan Cik Wan Kembang. Setelah empat tahun kemudian baginda Ahmad mangkat. (Nik Mahmud, 1934).*

Cik Wan Kembang pada masa kemangkatan paduka ayahandanya baru berumur empat tahun. Raja Hussin dari Johor telah dilantik sebagai pemangku Raja Kelantan sehinggalah baginda mangkat 16 tahun kemudian. Pada 1610 Cik Wan Kembang telah ditabalkan sebagai Raja dan baginda bersemayan di gunung Cinta Wangsa, Ulu Kelantan. Semasa pemerintahan baginda pusat kerajaan ini menjadi masyhur dan dilawati oleh dagang sentri termasuk orang-orang Arab. Mereka memanggil Cik Wan Kembang dengan nama "Paduka Cik Siti". Seekor kijang telah disembahkan oleh rakyat baginda di gunung Ayam. Baginda sangat suka dan gemar kepada kijang tersebut sehingga diterapkan gambar kijang itu di atas wang mas perbelanjaan negeri dan kemudiannya gambar kijang itu dijadikan sebagai lambang kerajaan Kelantan

sehingga sekarang. Dikatakan pada masa pemerintahan baginda inilah negeri Kelantan telah maju dalam bidang pertanian dan juga perdagangan (Zahir, 2006).

Semasa pemerintahan Cik Wan Kembang, di timur laut Kelantan terdapat sebuah kerajaan bertempat di Jembal di bawah pemerintahan Raja Sakti, anak angkat Raja Bersiong dari Kedah yang membawa diri ke Kelantan. Pada tahun 1649 Raja Sakti mangkat dan digantikan oleh Raja Loyor. Raja Loyor mendapat dua orang anak, seorang putera yang mangkat ketika kecil dan seorang puteri bernama Puteri Sadong. Khabar wujudnya Kerajaan Jembal sampai kepada pengetahuan Cik Wan Kembang yang kemudiannya membuat perhubungan dengan kerajaan tersebut. Perhubungan baik ini menyebabkan Raja Loyor membenarkan Cik Wan Kembang mengambil Puteri Sadong sebagai anak angkat. Selepas pemerintahan Che Siti Wan Kembang, Kelantan telah diperintah oleh seorang lagi wanita iaitu Puteri Saadong. Beliau memerintah dari tahun 1667-1671 dan merupakan pemerintah wanita yang terakhir memerintah negeri tersebut. Puteri Saadong telah dikahwinkan dengan Raja Abdullah, dari Jembal (Zahir, 2006).

## **b. Wanita Penyelesai Krisis Politik**

Dalam Kesultanan Melayu Melaka wanita turut berperanan penting. **Tun Kudu**, misalnya berperanan menyelesaikan krisis politik antara pembesar sesama pembesar. Beliau merupakan anak kepada Bendahara Seri Wak Raja dan permaisuri kepada Sultan Muzaffar Syah yang memerintah Melaka (1446-1459). Menurut *Sejarah Melayu*, edisi Shellabear, menyifatkan Tun Kudu sebagai “terlalu baik rupanya, tetapi matanya ada juling sedikit”, telah diberikan sebagai hadiah untuk menyelesaikan krisis politik akibat perebutan kuasa antara Tun Ali dengan Tun Perak (abang Tun Kudu) (RM Affandi, 1982). Tun Ali atau Seri Nara Diraja merupakan bapa saudara Sultan Muzaffar Syah. Beliau merupakan orang yang bertanggungjawab meletakkan baginda atas takhta pada 1446. Tun Perak atau Bendahara Paduka Raja pula merupakan abang kepada Tun Kudu. Beliau berkhidmat dengan cemerlang sebagai Bendahara selama kira-kira 50 tahun di bawah empat orang Sultan Melaka bermula dari Sultan Muzaffar Syah (1446-1459), Sultan Mansur Syah (1459-1477), Sultan Alauddin Riayat Syah (1477-1488) dan awal pemerintahan Sultan Melaka terakhir, Sultan Mahmud Syah (1488-1511). Di bawah pimpinan beliau, Kerajaan Melaka telah mencapai zaman keemasan.

Seri Nara Diraja telah dijadikan Bendahara selepas kemangkatan Bendahara Seri Wak Raja, tetapi ia dan Paduka Raja tidak dapat bermaufakat. Sultan telah mencadangkan Seri Nara Diraja bersara supaya Paduka Raja dilantik menjadi Bendahara dengan alasan sudah tua dan ia akan dibenarkan beristeri dengan seorang gundik sultan. Seri Nara sanggup bersara tetapi dengan syarat Tun Kudu menjadi isterinya. Sultan terus menceraikan Tun Kudu. Ini telah menyelesaikan krisis politik di Melaka. Baginda kemudiannya telah melantik Tun Perak sebagai Bendahara (RM Affandi, 1982).

Demikianlah dengan satu tindakan, Tun Perak telah mendapat kuasa di Melaka dan menjadikan orang yang ditentanginya sebagai sahabat dengan menggunakan hubungan keluarganya. Melalui tindakan tersebut, golongan yang menyokong Tun Ali pun menyokong Tun Perak. Ini bermakna semua golongan di Melaka sekarang telah menyokongnya dan dua sumber kekuasaan sudah berada di dalam tangannya.

Dalam hal ini pengarang *Sejarah Melayu* tidak pula memberi tahu kita tentang apakah pendapat Tun Kudu, yang telah berkorban itu. Namun begitu, saya mentafsirkan Tun Kudu bersetuju mengorbankan dirinya supaya abangnya dapat dilantik sebagai Bendahara. Beliau boleh diibaratkan seperti lilin yang membakar diri sendiri untuk menerangi orang lain. (Haryati 2013(a). Seandainya ia bebas bersuara dan bertindak, mungkinkah ia akan menolak kerana ia mengalami kejatuhan taraf sosial, daripada isteri seorang sultan yakni sebagai raja permaisuri kepada isteri seorang pembesar yang telah tua?. Inilah nasib dan kedudukan wanita di Melaka. Bagi Cheah (1997) pula beliau berpendapat “Mungkin juga intrik politik di belakang tirai di istana berlaku sehingga akhirnya Tun Kudu diperalatkan untuk memenuhi kehendak keluarga dan hati kaum lelaki”.

### c. Wanita Sebagai Pendamai

Peranan **Tun Teja** juga tidak kurang pentingnya. Beliau telah melakukan pengorbanan yang bukan sedikit kerana menjadi isteri kepada lelaki yang tidak dicintainya. Beliau menjadi mangsa tipu muslihat pembesar yang ingin menebus kesalahannya terhadap sultan. Tun Teja ialah anak Bendahara Pahang Seri Amar Bangsa Diraja dan merupakan tunangan kepada Sultan Pahang, Sultan Abdul Jalil. (Shellabear, 1975). Beliau menjadi mangsa kerakusan Sultan Mahmud Syah yang ingin memiliki isteri yang cantik. Justeru itu, dalam usaha mendapatkan Tun Teja baginda telah menawarkan hadiah lumayan kepada sesiapa yang berjaya membawa lari Tun Teja. Maka titah baginda, “Barang siapa membawa anak Bendahara Pahang itu ke mari, apa yang dikehendaknya ku anugerahkan akan dia. Jikalau ia menghendakkan sekerat kota dengan kerajaan sekalipun kita anugerahkan.”(Muhammad, 2009).

Hang Nadim, salah seorang pembesar Melaka yang mempunyai hubungan persaudaraan dengan Bendahara Seri Maharaja dan merupakan menantu kepada Laksamana Hang Tuah yang ingin menebus kesalahannya terhadap sultan telah menerima tanggungjawab untuk melarikan Tun Teja. (Muhammad, 2009). Di Pahang, beliau telah mengupah seorang pelulut (pekerjaan yang dilakukan oleh perempuan tua di kampung-kampung untuk membersihkan kulit anak-anak gadis terutama yang akan berkahwin) supaya memujuk Tun Teja berkahwin dengan Sultan Mahmud Syah. (Mustafa, 1977). Pelulut memujuk Tun Teja dengan kata-kata yang manis-manis.

*Sekarang pun ada hamba Raja Melaka di sini, Hang Nadim namanya, disuruh baginda mengambil tuan, hendak pun disuruh baginda pinta benar kalau tiada diberi oleh Raja Pahang. Sebab itulah maka disuruhnya curi pada Hang Nadim. Jikalau tuan mau dibawa, dibawanya ke Melaka, nescaya diperisterikannya oleh Raja Melaka karena baginda tiada beristeri. Tuanlah kelak jadi Raja Perempuan di Melaka. Jikalau tuan kelak diperisteri oleh Raja Pahang bermadulah tuan dengan Raja Perempuan Pahang. Jikalau tuan jadi isteri oleh Raja Melaka tiada dapat tiada menyembah kelak Raja Perempuan Pahang. (Muhammad, 2009).*

Berdasarkan *Hikayat Hang Tuah*, Tun Teja merupakan seorang yang bermaruah tinggi dan tidak gilakan pangkat. Beliau pernah menolak pinangan sultan Melaka, sebaliknya sanggup menjadi isteri Megat Panji Alam, Terengganu kerana menyedari

darjat dirinya yang tidak setara dengan raja agung seperti Melaka. Beliau boleh disifatkan sebagai seorang wanita yang setia kepada tunangnya. Ini dapat dilihat semasa seorang inang menyampaikan hasrat Hang Tuah (Dalam *Sejarah Melayu* tidak menyebut Hang Tuah sebagai utusannya sebaliknya adalah Hang Nadim) untuk ‘memperisterikan’ Tun Teja. Beliau begitu marah kepada inang tersebut sambil berkata;

*Lihat si tua celaka ini! Pada bicaraku, tua jadi penawar, ini tua menjadi racun!  
Benarkah engkau berani berkata-kata demikian? Ini bukan kata kau katakan padaku.  
Orang tua demikian ini patut digocoh mulutnya dengan tempurung berbulu!...kita  
sudah bertunang bukan dia tidak tahu. Sahaja ia ini berani. (Kassim, 1975).*

Tun Teja menolak permintaan tersebut atas rasa cintanya yang mendalam terhadap tunangannya yakni sultan Pahang. (Dalam *Sejarah Melayu*, tunang kepada Tun Teja adalah Sultan Pahang dan bukannya Megat Panji Alam, Terengganu seperti yang disebutkan di dalam *Hikayat Hang Tuah*). Beliau tidak terpedaya dengan pujukan untuk menjadi raja perempuan Melaka. (Jika beliau berkahwin dengan sultan Melaka, bererti beliau akan disembah oleh raja Perempuan Pahang kerana Pahang berada di bawah jajahan Melaka). Walau pun tidak termakan pujukan, namun dengan tipu muslihat Hang Nadim yang menggunakan ubat guna-guna Tun Teja akhirnya mengikut Hang Nadim ke Melaka. Di sana, beliau telah berkahwin dengan Sultan Mahmud tanpa kerelaan hatinya. Pengorbanan yang dilakukan oleh Tun Teja amat besar maknanya kerana beliau berjaya mendamaikan dua pihak yang bertelagah yakni Sultan Mahmud Syah dan Hang Nadim.

Daripada peristiwa tersebut menunjukkan wanita Melayu pada zaman tersebut tidak ubah seperti barang mainan yang boleh diperolehi dengan pelbagai cara termasuklah melalui tipu muslihat. Kerelaan dan keizinan wanita bukanlah prasyarat untuk lelaki mendapatkan cinta daripada wanita sebaliknya perasaan wanita diketepikan sama sekali. Wanita juga boleh dijadikan bahan penebus kesalahan seseorang kepada rajanya. Sungguhpun begitu kedua-dua wanita berkenaan tetap dikenang dalam sejarah sebagai pendamai dan penyatu komponen politik.

#### **d. Wanita Penentu Pewaris Takhta**

Selain berperanan sebagai pendamai dan penyatu komponen politik, mereka turut mempengaruhi sultan dalam pelantikan pewaris takhta. **Tun Fatimah**, misalnya berjaya mempengaruhi Sultan Mahmud Syah agar melantik puteranya sebagai pewaris takhta. Namun, begitu nasib malang wanita ini turut tercatat dalam teks *Sejarah Melayu*. Seperti Tun Kudu dan Tun Teja, beliau turut menjadi mangsa kerakusan sultan. Sultan Mahmud Syah menggunakan kuasanya membunuh Tun Ali untuk merampas Tun Fatimah yang sangat diminatinya. Sebelum itu baginda telah merampas Tun Teja daripada tunangnya Sultan Abdul Jalal, Pahang (Shellabear, 1975). Tun Fatimah, merupakan anak kepada Bendahara Tun Mutahir yang amat cantik rupa parasnya. Beliau kehilangan cinta suami, diselubungi perasaan dendam dan hidup sengsara berendam air mata. Ini berlaku selepas ayahandanya dibunuh oleh Sultan Mahmud atas fitnah bahawa Tun Mutahir ingin menggulingkannya. Keadaan ini bertambah buruk kerana perasaan dendam dan kebuasan hawa nafsu Sultan Mahmud

yang ingin beristerikan Tun Fatimah, tetapi ditolak oleh Tun Mutahir. Tun Fatimah telah dikahwinkan dengan Tun Ali. Kelemahan keperibadian Sultan Mahmud Syah dapat digambarkan dalam petikan berikut;

*Maka Laksamana pun masuklah mengadap Sultan Mahmud; segala kata Raja Mendaliar itu semuanya dipersembahkannya ke bawah duli Sultan Mahmud. Setelah Sultan Mahmud mendengar sembah Laksamana itu, kabullah pada hati baginda, seperti orang mengantuk disorongi bantal; kerana baginda sedia menaruh dendam akan Bendahara Seri Maharaja, sebab anaknya Tun Fatimah itu; seperti kata Farsi: "Al mahabbat bain niyat, Wal 'asyiq fikr niyat," ertinya: "Yang kasih itu antara tiada, dan berahi itu bicara tiada." Maka Sultan Mahmud Syah pun menyuruh memanggil Tun Sura diraja dan Tun Indera Segara; setelah keduanya datang, maka dititahkan baginda membunuh Bendahara Seri Maharaja. (A. Samad, 1986).*

Selepas Sultan Mahmud Syah telah membunuh Bendahara Tun Mutahir, Tun Ali dan dua orang saudara lain, Tun Fatimah telah dijadikan isteri sultan. Penentangan Tun Fatimah terhadap Sultan Mahmud dapat dilihat dalam keadaannya yang sentiasa bersedih hati kerana nasib buruk yang berlaku terhadap keluarganya. Menurut *Sejarah Melayu*, "Telah Tun Fatimah jadi raja perempuan di dalam negeri Melaka, maka ia pun sangat percintaannya akan ayahnya Bendahara Seri Maharaja. Selama ia duduk dengan Sultan Mahmud Syah jangankan ia tertawa, tersenyum pun tiada pernah" (Shellabear, 1975).

Akhirnya, Sultan Mahmud Syah menyesal lalu turun takhta kerajaan memencilkan diri ke hulu Melaka. Sungguhpun demikian, Tun Fatimah terus membantah dengan menggugurkan kandungannya setiap kali ia hamil. "Adapun Tun Fatimah disebut orang raja perempuan besar, tetapi apabila ia hamil dibuangnya" (Shellabear, 1975). Ia berhenti hanya apabila sultan berjanji sekiranya anak yang nanti dilahirkan oleh Tun Fatimah itu laki-laki, akan dijadikan raja. Menurut Cheah (1997),

*Pada anggapan saya, Tun Fatimah merupakan watak yang berani menentang seorang raja yang zalim dengan cara yang lemah lembut yang amat berkesan. Ada penulis masa kini yang telah mengangkat Tun Fatimah sebagai serikandi kerana sanggup mengembleng tenaga bersama-sama Sultan Mahmud dalam perang gerila untuk menentang musuh kerajaannya, iaitu Portugis, tetapi ini adalah hanya rekaan sahaja kerana tiada terbukti dalam Sejarah Melayu.*

Tindakan beliau menggugurkan anak dalam kandungan semasa menjadi isteri Sultan Mahmud menandakan satu perbuatan berani dan merupakan satu protes terhadap suami, juga raja. Tindakan beliau itu tidak sia-sia kerana dengan itu dia dapat memastikan bakal Sultan Melaka kelak adalah daripada darah dagingnya. Itu dipersetujui oleh Sultan Mahmud Syah sebagai syarat agar Tun Fatimah tidak lagi menggugurkan anak mereka. Kenaikan Sultan Alauddin Riayat Syah II, (Raja Ali yang merupakan Raja Muda sejak tahun 1513, telah ditabalkan sebagai ganti ayahandanya dengan gelaran Sultan Alauddin Riayat Syah II pada tahun 1528) (Mardiana 2008; Nordin, 2010) pengganti Sultan Mahmud Syah sebagai sultan Melaka di Kampar satu kejayaan besar Tun Fatimah kerana itu pernah 'diperjuangkannya'. Justeru

itu, pengorbanan dan perjuangan wanita ini tidak sia-sia, buktinya beliau mampu menentukan pewaris takhta kerajaan.

Selain Tun Fatimah, *Sejarah Melayu* turut mencatat mengenai **Puteri Gunung Ledang** yang ingin diperisterikan oleh Sultan Mahmud Syah (1488-1511). Menurut Muhammad (2009) keinginan tersebut bukannya bertujuan untuk berkasih sayang, tetapi untuk mempamerkan kelebihannya sebagai pemerintah kerana dapat memiliki Puteri Gunung Ledang yang menjadi legenda kecantikan itu. Puteri Gunung Ledang (A Samad, 1986) ialah salah sebuah cerita yang simbolik sahaja dan merupakan pengajaran moral tentang sifat Sultan Mahmud yang mempunyai nafsu yang kuat Puteri Gunung Ledang menetapkan syarat-syarat perkahwinan yang tidak dapat ditunaikan oleh sultan. Syarat-syarat itu ialah satu jambatan emas dan perak dibina dari Melaka ke Gunung Ledang, hati nyamuk tujuh dulang, hati kuman tujuh dulang, air mata setempayan, air pinang muda setempayan, darah raja semangkuk dan darah anaknya, Raja Ahmad semangkuk. Menurut Muhammad (2009) lagi, "Puteri itu menjelma sebagai alat untuk mengkritik seorang raja yang tidak pandai mengurus nafsu atau mengawal diri".

#### e. Wanita pengerat hubungan diplomatik

Selain itu *Sejarah Melayu* menggambarkan puteri-puteri raja di istana sebagai berperanan mengeratkan hubungan diplomatik antara negara hasil daripada perkahwinan. Sultan Mansur Syah misalnya telah berkahwin dengan puteri Betara Majapahit iaitu **Raden Galuh Candra Kirana** dan kemudian dengan **Hang Li Po**, Puteri Raja China. Hasilnya, Melaka telah menjadi sahabat dengan Majapahit dan China. Hasil perkahwinan Sultan Mansur Syah dengan Puteri Hang Li Po, lahirlah Paduka Mamat (Yusoff, 1979). Anak beliau ialah Paduka Seri Cina, ayah Paduka Ahmat dan datuk Paduka Isap. Mereka diberikan gelaran *Paduka*, bukan *raja* sepertimana yang pernah dinikmati oleh putera-putera yang lain, terutama mereka yang ada hubungan secara terus atau tidak dengan pembesar-pembesar Melaka ketika itu. *Paduka* juga tidak pernah diberi peluang menikmati pemerintahan sebuah empayar. Mereka hanya dijadikan 'raja' sebuah daerah yang kecil seperti Paduka Seri Cina menjadi 'raja' di Jeram, kawasan Selangor sekarang. Namun, anak-anak raja yang beribukan Cina ini lebih rendah kedudukan dan martabatnya daripada anak-anak raja lain. Menurut *Sejarah Melayu* lagi, dalam keadaan tertentu wanita boleh dijadikan hadiah atau pemberian kepada sesuatu pihak sebagai membalas jasa. Hakikat ini berlaku kepada **Dang Bunga** dan **Dang Bibah**. Mereka dijadikan hadiah bersama barang-barang lain oleh Sultan Mansur Syah Melaka kepada Makhdum Mua, Pasai kerana dapat menjawab satu persoalan agama (Haron, 1989).

Sepanjang yang diperlihatkan di dalam *Sejarah Melayu*, tidak ada wanita yang berjuang untuk menaikkan taraf mereka sendiri atau sekurang-kurangnya untuk menjamin kedudukan mereka supaya tidak diperalatkan oleh kaum lelaki. Hal ini berlaku mungkin disebabkan adanya ikatan nilai dan norma masyarakat yang begitu kuat sehingga menjadikan mereka berpuashati dengan keadaan sosial yang wujud dewasa itu. Namun begitu, ini tidak bermakna keseluruhan wanita yang diperkatakan dalam teks tersebut lemah keperibadiannya. Tun Teja, Tun Kudu dan Tun Fatimah ada kekuatannya yang tersendiri dalam memperjuangkan hak dan kedudukan mereka.



## f. Wanita penerus legasi

Dalam kerajaan Johor-Riau juga muncul beberapa orang wanita yang turut memberi implikasi kepada “kedaulatan” kuasa istana. Bermula dengan pembunuhan ke atas seorang wanita yang bernama **Dang Anum** telah membuka lambaran hitam kepada kerajaan Johor-Riau. Sultan Mahmud Syah II (Marhum Mangkat Dijulang atau Marhum Kota Tinggi), digambarkan sebagai seorang raja yang zalim dan rendah akhlak (Andaya, 1987). Satu daripada peristiwa dan gambaran kezalimannya ialah tentang peristiwa baginda membunuh seorang wanita bernama Dang Anum yang sedang sarat mengandung kerana telah memakan seulas nangka daripada nangka kepunyaan baginda. Tidak lama selepas itu, pada Oktober, 1699 berlaku peristiwa pembunuhan ke atas Sultan Mahmud Syah II di Kota Tinggi oleh Megat Seri Rama, seorang Laksamana muda kerana menuntut bela atas kematian isterinya (Haryati Hasan, 2010a). Pembunuhan ini menamatkan pemerintahan yang zalim Sultan Mahmud Syah II.

Selain itu, Sultan Mahmud Syah II turut digambarkan sebagai seorang yang suka berfoya-foya dan mempunyai keinginan yang luar biasa terhadap wanita sehingga baginda dikatakan beristerikan seorang peri. Namun kehamilan gundiknya yang bernama Encik Pung, telah menimbulkan satu perdebatan yang menarik untuk diperkatakan. Menurut *Tuhfat al-Nafis*,

*Adapun tersebut di dalam syejarah sebelah Siak asal Raja Kechik itu anak Marhum Mangkat di Julang yang terbunuh di Kota Tinggi oleh Megat Seri Rama, emaknya (ber) nama (En)cik Pung anak Laksamana. Maka tatkala baginda itu hampir mangkat maka Encik Pung itu pun makan mani baginda itu konon, waktu baginda itu datang berahinya akan isterinya peri, maka terpancarlah mani baginda itu. Lalu disuruhnya makan kepada Encik Pung itu. Maka jadilah Encik Pung (itu) bunting konon. (Hooker, 1991)*

Cheah (1997) mempunyai kemusykilan terhadap perkataan “konon” di situ, yang menunjukkan cerita itu tidak benar. Beliau melihat cara Encik Pung mengandung adalah sangat ganjil. Namun begitu, beliau tidak pula menafikan tentang peranan Encik Pung.

Memandangkan sultan yang mangkat tidak meninggalkan waris lelaki, justeru itu, Bendahara Tun Abdul Jalil telah menaiki takhta sebagai sultan. Setelah 17 tahun berlalu muncul seorang putera dari Siak yang bernama Raja Kechik (Abdullah Zakaria, 1981), telah datang menyerang Johor untuk merampas takhta atas alasan beliau merupakan putera Sultan Mahmud Syah II (Muhammad Yusoff, 1992) hasil hubungan dengan gundiknya Encik Pung.

Menurut Hikayat Siak, Raja Kechik dikenali sebagai Tuan Bujang dibawa ke Pagar Ruyong sejak berumur tujuh tahun untuk dipelihara oleh Puteri Janilan [emak Raja Minangkabau] sehingga cukup umur. Peranan Raja Perempuan ini sangat penting diakui oleh Winstedt dan Andaya, tetapi mereka tidak percaya sama sekali bahawa Raja Kechik ialah putera Sultan Mahmud (Muhammad Yusoff, 1992).

Sungguh pun begitu, Ketiga-tiga wanita ini dapat mengubah corak pemerintahan kerajaan Johor. Pembunuhan isteri Megat Seri Rama telah membawa pembunuhan ke atas Sultan Mahmud Syah II, satu penderhakaan yang luar biasa dalam sejarah orang Melayu dan ini juga menyebabkan pemerintahan atau dinasti baru wujud di

bawah seorang Bendahara. Peranan Encik Pung telah membawa balasan terhadap mereka yang terlibat dalam komplot membunuh Sultan Mahmud Syah II, termasuk Bendahara Tun Abdul Jalil yang telah dilantik sebagai Sultan Abdul Jalil Riayat Syah IV. Itulah sebabnya Encik Pung telah diterima oleh Puteri Janilan sebagai tipu helah untuk menanamkan kepercayaan dengan menghubungkaitkan kewibawaannya dengan Sultan Mahmud Syah II. Minangkabau mendaulati keturunan Sultan Mahmud Syah II kerana ia dianggap daripada zuriat Raja Iskandar Zulkarnain dan raja-raja Melaka yang berasal dari Bukit Siguntang Mahameru di Sumatera dan mereka tidak dapat menerima keturunan Bendahara yang tidak ada kaitan dengan Bukit Siguntang. Komplot untuk menyelamatkan Encik Pung sewaktu ia berada di istana digambarkan oleh *Tuhfat al-Nafis*.

*Waktu baginda mangkat /itu/ orang-orang tengah bergaduh-gaduhkan hal baginda itu, maka Encik Pung pun dilarikan oleh (seorang) yang bernama Panglima Bebas, dibawanya /pergi/ ke Pagar Ruyung kepada Puteri Janilan. Lalu Encik Pung itu beranak laki-laki. Maka diambil oleh Puteri Janilan dibuatnya anak angkat.” (Hooker, 1991).*

Apabila Raja Kechil telah besar, Puteri Janilan menobatkannya. Dia diberi pedang kebesaran dan cop yang mengesahkan bahawa dialah anak Marhum Mangkat Dijulang, maka baharulah ia pergi melanggar Johor. Raja Kechil berjaya menguasai Johor dan menjatuhkan Sultan Abdul Jalil Riayat Syah IV, bekas Bendahara Sultan Mahmud Syah II (Haryati, 2010b).

### **g. Wanita pencetus perubahan kepimpinan**

Dalam kerajaan Johor-Riau, nama **Tengku Tengah** dan **Tengku Kamariah** turut tercatat di dalam pensejarahan Melayu. Kedua-dua wanita yang bersaudara ini turut berperanan penting dalam mempengaruhi kestabilan dan mengundang sisi sebaliknya kepada sejarah Johor. Kemasukan kuasa luar yakni Bugis dan penyingkiran kuasa Siak-Minangkabau dapat dikaitkan dengan peranan dua orang wanita bangsawan ini. Tengku Tengah, yang merupakan anak kepada Bendahara Tun Abdul Jalil, berperanan penting dalam komplot untuk menggulingkan Raja Kechil.

Pada tahun 1720, ayahnya dibunuh oleh Raja Kechil. Sebelum itu, perasaan kemarahan dan kebencian terhadap Raja Kechil telah membara dalam hatinya kerana satu peristiwa yang pahit. Pada tahun 1718, apabila ia berjaya merampas takhta, Raja Kechil bertunang dengan Tengku Tengah, tetapi telah memutuskan pertunangannya apabila Raja Kechil melihat wajah adik bongsu Tengku Tengah, iaitu Tengku Kamariah yang lebih cantik. Kemudian dia berkahwin dengan Tengku Kamariah. Peristiwa tersebut diceritakan di dalam *Tuhfat al-Nafis*,

*Syahadan tiada/lah/ berapa lamanya//antaranya//maka Raja Kecik pun bertunang(an) lah dengan putera Sultan Abd al-Jalil itu, yang bernama Tengku Tengah. Di dalam // pada// (hal itu) pada (ketika) hari raya, maka datanglah Sultan Abd al-Jalil putera-berputera mengunjungi Raja Kecik. (Maka) putera//nya seorang perempuan// yang bernama Tengku Kamariah, (dibawanya) bersama-sama. Maka terpdanglah Raja*

*Kecik //itu// akan paras Tengku Kamariah itu, berahilah ia pula. Maka (Sultan Abd al-Jalil balik, lalu) dipintanya pula Tengku Kamariah itu, tiadalah (jadi) dengan Tengku Tengah itu. Maka tiadalah terkata-kata Sultan Abd al-Jalil itu, kerana lebih-lebih maklum (lah) orang sudah alah. Syahadan maka /di/nikah/kan/lah Tengku Kamariah itu dengan Raja Kecik, betapa adat (raja) yang besar-besar bernikah kawin demikianlah halnya. Maka tetaplah. (Hooker, 1991).*

Bayangkanlah perasaan malu Tengku Tengah! Lagi pun Tengku Tengah dan sanak saudaranya, termasuk adik lelakinya Raja Sulaiman, berasa sakit hati terhadap Raja Kechil kerana telah menurunkan pangkat ayahanda mereka sebagai Sultan menjadi Bendahara semula. Mereka bermaufakat untuk membalas dendam terhadapnya. Oleh itu, mereka meminta bantuan daeng lima bersaudara. Menurut *Tuhfat al-Nafis*, Tengku Tengah menjadi faktor pemangkin hingga terjadinya sumpah setia antara mereka dengan lima adik-beradik Bugis ini. Dalam *Tuhfat al-Nafis* terdapat petikan yang mengukuhkannya.

*...adalah /yang/ Tengku Tengah itulah yang sangat-sangat hendak menghapuskan kemaluannya itu. Maka muafakat(lah) ia dengan saudaranya Raja Sulaiman (itu), maka lalu ia memanggil opu-opu itu makan. Kemudian Tengku Tengah pun berdiri di pintu selasar membuka bidai, melepak subang/nya/ di telinga sambil ia berkata, "Hai raja Bugis, jikalau sungguh tuan hamba berani, tutuplah kemaluan hamba ini anak-beranak saudara-bersaudara! Maka (apabila) tertutup kemaluan beta semua (ini), maka relalah beta (semua ini) menjadi hamba raja Bugis: jika hendak disuruh jadi penanak nasi (raja) sekalipun relalah beta (Hooker, 1991).*

Akhirnya, Tengku Tengah dan Raja Sulaiman telah bermaufakat supaya Tengku Tengah dikahwinkan dengan salah seorang daeng lima bersaudara itu dan rancangan ini dipersetujui oleh ayah mereka Bendahara Abdul Jalil. Menurut *Tuhfat al-Nafis*,

*Kemudian baharulah berjanji Raja Sulaiman dengan opu-opu itu jika hasil maksudnya yang opu-opu lima beradik (itu), salah seoranglah menjadi Yang Dipertuan Muda turun menurun. Setelah selesai berjanji itu maka mengadap ia /Raja Sulaiman itu/ kepada //paduka// ayahanda //bagindanya// dipermaklumkan /segala/ hal ehwal maksudnya itu. Maka dikabulkan oleh ayahandanya ikhtiar puteranya itu. Maka lalu/ lah/ dinikahkannya saudaranya Tengku Tengah itu dengan Opu Dahing Parani betapa adat istiadat raja-raja nikah kahwin (Hooker, 1991).*

Akhirnya, Raja Kechil disingkirkan oleh daeng lima bersaudara itu, dan Raja Sulaiman ditabalkan menjadi sultan. Salah seorang daripada mereka iaitu Daeng Marewah, dilantik menjadi Yang Dipertuan Muda yang sebenarnya memerintah bagi pihak Sultan Sulaiman (Haryati, 2010b). Dengan itu, bermulalah pengaruh Bugis dalam kerajaan Johor-Riau-Lingga dan tercetuslah konflik antara Bugis-Melayu yang hebat di jajahan takluknya.

Raja Kechil sentiasa berusaha mendapatkan kembali takhta Johor-Riau, namun selepas kemangkatan isterinya, Tengku Kamariah binti Bendahara Abdul Jalil, Menurut Muhamad Yusoff (1992), "...Maka Raja Kecil pun selalu gila sekali, lalu ia tidur di kubur isterinya". Menurut beliau lagi, Raja Kechil menjadi, "...seperti orang

gila” bukan kerana persumpahannya dengan keluarga Bugis dan Melayu Johor tadi, tetapi kerana baginda dukacita dan ‘percintaan’ yang amat sangat kerana kemangkatan isterinya yang dimakamkan di Buantan itu. Nyata sekali cinta bukan saja membuat seseorang itu hilang pertimbangan bahkan mampu menjadikan seseorang itu tidak waras kerana kehilangan orang yang dicintai.

## Kesimpulan

Konklusinya, wanita berperanan penting di sebalik “kedaulatan” kuasa istana. Sebagai pemimpin kerajaan mereka menonjolkan kecemerlangan dan sejarah membuktikan Negara seperti Patani mencapai zaman kegemilangan semasa diperintah oleh raja-raja perempuan. Di Kelantan pula Cik Siti Wan Kembang dan Puteri Sa’dong sehingga kini menjadi simbol kebanggaan rakyat Kelantan kerana kewibawaan mereka sebagai ketua Negara. Tun Kudu, Tun Teja dan Tun Fatimah tidak kurang pentingnya peranan mereka dalam menentukan kestabilan politik Kesultanan Melayu Melaka. Pengorbanan mereka berjaya mendamaikan pihak-pihak bersengketa, menyatukan mereka yang bermusuhan dan menentukan pewaris tahta. Justeru itu pengorbanan mereka dianggap berbaloi demi keamanan dan kesejahteraan sebuah Negara. Beberapa tragedi hitam yang berlaku dalam kerajaan Johor-Riau pada penghujung kurun ke-17 dan awal kurun ke-18 perlu dijadikan tauladan agar menjaga dan memelihara maruah dan hak-hak kaum wanita. Apa yang nyata perasaan dan watak seorang wanita itu amat sukar dimengerti. Mereka “lembut tetapi keras”, “manja tetapi tegas” dan “tabah tetapi lemah”. Bagi seorang raja pula, mereka tidak boleh berlaku zalim ke atas rakyatnya kerana “...yakni rakyat itu umpama akar, yang raja itu umpama pohon; jikalau tiada akar nescaya pohon tiada akan dapat berdiri” (Shellabear, 1975). Mereka saling perlu memerlu antara satu sama lain. Namun yang jelas, di sebalik kejayaan seorang lelaki kerana wanita dan di sebalik kehancuran seorang lelaki juga kerana wanita. Jelaslah, “Tangan yang Menghayung Buaian Itu Mampu Menggoncang Dunia”.

## RUJUKAN

- A Samad, A. (1986). *Sulalatus Salatin: Sejarah Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Abdullah Sani, U. (2005). *Nilai Sastera Ketatanegaraan dan Undang-Undang dalam Kanun Syarak Kerajaan Aceh dan Bustanus Salatin*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Abdullah Zakaria, G. (1981). Raja Kechil-Sultan Abdul Jalil Rahmat Syah 1718–1722: Satu Kajian Tentang Asal usulnya. *Jurnal Sejarah Melaka*. Bil. 6.
- Andaya, L. Y. (1987). *Kerajaan Johor 1641–1728: Pembangunan Ekonomi dan Politik*. Terj. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Bangnara, A. (1977). *Patani Dahulu dan Sekarang*. Patani.
- Cheah, B.K. (1997). Di Belakang Tabir: Tinjauan Sejarah Tentang Peranan Wanita Melayu dalam Politik Istana; dalam Badriyah H.S. & Tan L.E. (eds.) *Alam Pensejarahan: dari Pelbagai Perspektif*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Haron, D. (1989). *Sejarah Melayu Satu Kajian daripada Aspek Pensejarahan Budaya*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Haryati, H. (2010a). 20 Tahun Epilog Luka Kerajaan Johor-Riau. Dlm. *Prosiding Seminar Antarabangsa Sejarah dan Warisan Empayar Johor-Riau 2010*, Johor Bharu: Pusat Konvensyen Antarabangsa PERSADA Johor.
- Haryati, H. (2010b). Dua Kuasa yang Bersaing dalam Kerajaan Johor-Riau. Dlm. *Prosiding Seminar Antarabangsa Sejarah dan Warisan Empayar Johor-Riau 2010*, Johor Bharu: Pusat Konvensyen Antarabangsa PERSADA Johor.
- Haryati, H.(2013a). Pengorbanan Wanita dalam Kesultanan Melayu Melaka, Rela atau Terpaksa?; Kertas kerja *Persidangan Intelektual Kebangsaan Malaysia 2013*, Jabatan Sejarah dan Jabatan Pengajian Kemasyarakatan dan Kewarganegaraan, Fakulti Sains Kemanusiaan, UPSI: Tanjung Malim, Perak.
- Hooker, V. M. (1991). *Tuhfat al-Nafis: Sejarah Melayu-Islam*. Terj. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ibrahim, S. (1966). *Sejarah Kerajaan Melayu Patani*. Pasir Puteh.
- Kassim, A. (ed.) (1975). *Hikayat Hang Tuah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mardiana, N. (2008). *Politik Kerajaan Johor 1718-1862*. Johor Bharu: Yayasan Warisan Johor.
- Muhammad, H. S.(2009). *Sulalat al-Salatin ya'ni Perteturun Segala Raja-Raja (Sejarah Melayu)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka dan Yayasan Karyawan.
- Muhammad Yusoff, H.(1988). *Pensejarahan Melayu Nusantara*. Kuala Lumpur: Teks Publishing Sdn. Bhd.
- Mustafa, M. I.(1977). *Perwatakan dalam Sejarah Melayu*. Kuala Lumpur: Greetings Distributors.
- Nik Mahmud, I. (1934). *Rengkasian Cetera Kelantan*. Kota Bharu: The Assiyah Press.
- Nordin, H. (2010). Sejarah Kerajaan Johor: Evolusi, Transformasi dan Metamorfosis dari Sebuah Kerajaan Johor Moden; *Seminar Antarabangsa Sejarah dan Warisan Empayar Johor-Riau 2010*, Johor Bharu: Pusat Konvensyen Antarabangsa PERSADA Johor.
- RM Affandi (1982). *Tokoh-Tokoh Melayu yang Agung dalam Sejarah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Shellabear, W. G. (1975). *Sejarah Melayu*. Petaling Jaya: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Yusoff, I. (1979). Masyarakat Melaka 1400-1511 T. M. dengan Tinjauan Khusus Mengenai Orang-orang Asing, *Malaysia: Sejarah dan Proses Pembangunan*. Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia.
- Zahir, A. (2006). Naskhah-Naskhah Kesultanan Kelantan, dalam Rogayah A.H. & Mariyam S. (eds). *Kesultanan Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.